



**PROGRAM PERSEDIAAN IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN (PPISMP)
AMBILAN JUN 2014**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa calon lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk mengikuti Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP).

1. KETERANGAN PROGRAM

1.1 Nama Program :

Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)

- 1.1.1 Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah.
1.1.2 Calon dikehendaki mengikuti **PPISMP** selama dua belas (12) bulan/dua (2) semester di IPG berkenaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
1.1.3 Calon yang **LULUS** Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan akan diberikan Sijil Tamat PPISMP dan **DITAWARKAN** mengikuti pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (**PISMP**) selama empat (4) tahun/lapan (8) semester di IPG yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
1.1.4 **PPISMP** dan **PISMP** dijalankan menggunakan Mod Sepenuh Masa.

2. SYARAT DAN KELAYAKAN ASAS

- 2.1 Warganegara Malaysia.
2.2 Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2014 iaitu lahir pada atau selepas **30 Jun 1994**.
2.3 Calon mesti sihat tubuh badan.
2.4 Calon mesti aktif dalam kegiatan kokurikulum.
2.5 Calon mendapat **gred cemerlang** dalam mana-mana **lima (5) mata pelajaran** di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
2.6 Calon mesti mendapat sekurang-kurangnya **gred kepujian** dalam mata pelajaran yang berikut iaitu:
a. Bahasa Melayu; dan
b. Sejarah.
2.7 Calon mestilah **lulus** Bahasa Inggeris.
2.8 Calon memenuhi **syarat bidang pengkhususan (Rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan online)**.

3. BIDANG PENGKUSUSAN YANG DITAWARKAN

3.1 Sekolah Kebangsaan (SK)

3.1.1	Bahasa Melayu	3.1.8	Pendidikan Jasmani	3.1.15	Sejarah
3.1.2	Bahasa Inggeris	3.1.9	Pendidikan Islam	3.1.16	Reka Bentuk dan Teknologi
3.1.3	Bahasa Arab	3.1.10	Pendidikan Seni Visual	3.1.17	Matematik
3.1.4	Bahasa Tamil	3.1.11	Pendidikan Muzik	3.1.18	Sains
3.1.5	Bahasa Cina	3.1.12	Pendidikan Pemulihan	3.1.19	Bimbingan dan Kaunseling
3.1.6	Bahasa Iban	3.1.13	Pendidikan Khas		
3.1.7	Bahasa Kadazandusun	3.1.14	Pendidikan Awal Kanak-Kanak		

3.2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJCK)

3.2.1	Bahasa Melayu	3.2.6	Pendidikan Seni Visual	3.2.11	Sejarah
3.2.2	Bahasa Inggeris	3.2.7	Pendidikan Muzik	3.2.12	Reka Bentuk dan Teknologi
3.2.3	Bahasa Cina	3.2.8	Pendidikan Pemulihan	3.2.13	Matematik
3.2.4	Pendidikan Jasmani	3.2.9	Pendidikan Khas	3.2.14	Sains
3.2.5	Pendidikan Islam	3.2.10	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	3.2.15	Bimbingan dan Kaunseling

3.3 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

3.3.1	Bahasa Melayu	3.3.6	Pendidikan Seni Visual	3.3.11	Sejarah
3.3.2	Bahasa Inggeris	3.3.7	Pendidikan Muzik	3.3.12	Reka Bentuk dan Teknologi
3.3.3	Bahasa Tamil	3.3.8	Pendidikan Pemulihan	3.3.13	Matematik
3.3.4	Pendidikan Jasmani	3.3.9	Pendidikan Khas	3.3.14	Sains
3.3.5	Pendidikan Islam	3.3.10	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	3.3.15	Bimbingan dan Kaunseling

**PROGRAM PENGHANTARAN PELAJAR CEMERLANG KE UNIVERSITI TERKEMUKA LUAR NEGARA
AMBILAN TAHUN 2014**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa calon lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk mengikuti Program Penghantaran Pelajar Cemerlang Ke Universiti Terkemuka Luar Negara.

1. KETERANGAN PROGRAM

Nama Program :

Penghantaran Pelajar Cemerlang (PPC) Ke Universiti Terkemuka Luar Negara
(Program ini dilaksanakan secara berkembar atau sepenuhnya di Universiti Terkemuka Luar Negara)

2. SYARAT DAN KELAYAKAN ASAS

- 2.1 Warganegara Malaysia.
2.2 Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2014 iaitu lahir pada atau selepas **30 Jun 1994**.
2.3 Calon mesti sihat tubuh badan.
2.4 Calon mesti aktif dalam kegiatan kokurikulum.

3. BIDANG PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

3.1 Program Penghantaran Pelajar Cemerlang ke Universiti Terkemuka Luar Negara dalam Bidang Bahasa Arab di Timur Tengah.

- 3.1.1 Calon lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam **Aliran Agama** yang memperoleh sekurang-kurangnya **tujuh (7) gred cemerlang**.
3.1.2 Keutamaan diberikan kepada calon-calon berikut:
i. Memperoleh **gred cemerlang Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah dan Bahasa Inggeris**.
ii. Lepas Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Menengah Harian yang mengikuti Kelas Aliran Agama (KAA).

3.2 Program Penghantaran Pelajar Cemerlang ke Universiti Terkemuka Luar Negara dalam Bidang Pengajian Islam di Timur Tengah.

- 3.2.1 Calon lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam **Aliran Agama** yang cemerlang dalam akademik iaitu memperoleh sekurang-kurangnya **tujuh (7) gred cemerlang**.
3.2.2 Keutamaan diberikan kepada calon-calon berikut:
i. Memperoleh **gred cemerlang Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah dan Bahasa Inggeris**.
ii. Lepas Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Menengah Harian yang mengikuti Kelas Aliran Agama (KAA).

3.3 Program Kembar Praperkhidmatan Bachelor of Arts in Science of Language and Information Specialising in Teaching French as a Foreign Language Antara KPM dengan University of Franche-Comte.

- 3.3.1 Calon lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang dalam akademik iaitu memperoleh sekurang-kurangnya **tujuh (7) gred cemerlang termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sejarah**.
3.3.2 Calon mesti mempunyai pengetahuan asas bertutur dan menulis Bahasa Perancis serta mempunyai sekurang-kurangnya Sijil **DELTA 1**. Sebagai prasyarat, calon dikehendaki mengikuti kursus persediaan selama dua (2) tahun/empat (4) semester di Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa KPM.
3.3.3 Calon yang **LULUS Kursus Persediaan** dengan jayanya akan **DITAWARKAN** untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Perancis selama tiga (3) tahun/enam (6) semester di Universiti di Perancis.
3.3.4 Calon yang **LULUS pengajian** di Perancis akan menyambung pengajian tahun empat (4) (tahun akhir) di Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa KPM.

**PROGRAM PERSEDIAAN IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PPISMP) DENGAN
KEPUJIAN BAGI LULUSAN UNIFIED EXAMINATION CERTIFICATE (UEC)
DAN SIJIL MENENGAH AGAMA (SMA) ATAU SIJIL MENENGAH UGAMA (SMU)
AMBILAN KHAS JUN 2014**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa calon lulusan UEC dan SMA atau SMU yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk mengikuti program seperti berikut:

1. KETERANGAN PROGRAM

1.1 Nama Program :

Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)

- 1.1.1 Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah.
1.1.2 Calon dikehendaki mengikuti **PPISMP** selama dua belas (12) bulan/dua (2) semester di IPG berkenaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
1.1.3 Calon yang **LULUS** Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan akan diberikan Sijil Tamat PPISMP dan **DITAWARKAN** mengikuti pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (**PISMP**) selama empat (4) tahun/lapan (8) semester di IPG yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
1.1.4 **PPISMP** dan **PISMP** dijalankan menggunakan Mod Sepenuh Masa.

2. SYARAT DAN KELAYAKAN ASAS

- 2.1 Warganegara Malaysia.
2.2 Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2014 iaitu lahir pada atau selepas **30 Jun 1994**.
2.3 Calon mesti sihat tubuh badan.
2.4 Calon mesti aktif dalam kegiatan kokurikulum.
2.5 Mempunyai sekurang-kurangnya **gred kepujian dalam Bahasa Melayu serta lulus Bahasa Inggeris** diperingkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

3. SYARAT TAMBAHAN

3.1 Lulusan *Unified Examination Certificate (UEC)*

- 3.1.1 Calon lulusan *Unified Examination Certificate (UEC)* mesti memiliki sekurang-kurangnya **tiga (3) gred kepujian** di peringkat Sijil Senior Middle Level (*UEC-SML*).
3.2 Lulusan Sijil Menengah Agama (SMA) atau Sijil Menengah Ugama (SMU)
3.2.1 Calon lulusan Sijil Menengah Agama (SMA) atau Sijil Menengah Ugama (SMU) mesti memiliki sekurang-kurangnya **tiga (3) gred kepujian** di peringkat SMA atau SMU.

4. BIDANG PENGKUSUSAN YANG DITAWARKAN:

4.1 Bahasa Cina Pendidikan Rendah bagi lulusan *Unified Examination Certificate (UEC)*

- 4.1.1 Dalam tempoh Kursus Persediaan, calon mesti mengikuti **Kursus Khas dan LULUS** dalam **tiga (3) mata pelajaran** berikut:
i. Bahasa Melayu Komunikasi;
ii. Sejarah; dan
iii. Pendidikan Moral.

4.2 Pendidikan Islam Pendidikan Rendah bagi lulusan Sijil Menengah Agama (SMA) atau Sijil Menengah Ugama (SMU)

- 4.2.1 Dalam tempoh Kursus Persediaan, calon mesti mengikuti **Kursus Khas dan LULUS** dalam **tiga (3) mata pelajaran** berikut:
i. Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah;
ii. Sejarah; dan
iii. Pendidikan Syariah Islamiah.

CALON TIDAK LAYAK MEMOHON

1. Calon yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di institusi-institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Calon yang dikenakan tindakan tatatertib atau sedang dalam proses tindakan tatatertib semasa dalam perkhidmatan awam atau latihan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan.
3. Calon yang pernah mengikuti program iktisad di Institut Pendidikan Guru, tetapi gagal dalam peperiksaan dan ditamatkan daripada program.
4. Calon yang pernah atau sedang disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah, jenayah atau tindakan mahkamah.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian (**online**) dengan melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia di alamat : <http://www.moe.gov.my> mulai **10 Mac 2014**.
2. **Permohonan calon akan ditapis berdasarkan syarat kelayakan dan kriteria yang telah ditetapkan oleh KPM.** Calon terpilih mesti menduduki dan **LULUS** Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) sebelum layak dipanggil temu duga.
3. Pemohon dinasihatkan melayari laman sesawang : <http://www.moe.gov.my> bagi mendapatkan **maklumat iklan, Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG), temu duga, syarat bidang pengkhususan dan gred minimum serta kalendar aktiviti** sebelum membuat permohonan.
4. Calon dibenarkan mengemukakan **SATU (1) permohonan** dan boleh mengemaskini pada bila-bila masa sahaja.
5. **Permohonan hendaklah disahkan dan dihantar sebelum tarikh tutup permohonan.** Permohonan yang berjaya dihantar akan menerima nombor rujukan sebagai pengesahan.
6. Maklumat yang tidak benar dan tidak lengkap boleh mengakibatkan permohonan ditolak.

PERINGATAN

Calon yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang. Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran dan selama tempoh pengajian.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 MAC 2014 (11.59 MALAM)

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan :

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
ARAS 1, ENTERPRISE BUILDING 3, BLOK 2200,
PERSIARAN APEC, CYBER 6, 63000 CYBERJAYA.**

(u.p: Unit Pengambilan Pelajar, Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Hubungan Luar)

No. Telefon : 03-8312 6731/6720/6733/6769/6723